

HALAL, HARAM & SYUBHAT

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Hadis Sandaran

- Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud

“Apa yang halal adalah jelas dan apa yang haram juga telah jelas. Di antara keduanya perkara-perkara yang samar-samar (syubhat) yang tidak diketahui oleh ramai manusia.

Sesiapa yang memelihara diri dari syubhat, sesungguhnya dia telah memelihara agama dan maruahnyanya dan sesiapa yang jatuh dalam syubhat, sesungguhnya dia telah jatuh dalam perkara yang haram. Seumpama seorang pengembala yang mengembala di sekitar kawasan larangan.

Adalah dikhuatiri dia akan mencerobohinya.

Sesungguhnya setiap raja mempunyai kawasan larangannya dan kawasan larangan Allah ialah larang-larangannya....”

(Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

- Perlu difahami bersama-sama dengan hadis,

“Apa yang Allah telah halalkan dalam kitabNya, maka ia adalah halal.


Apa yang Allah telah haramkan, maka ia adalah haram.

Apa yang Dia berdiam diri mengenai satu perkara, maka ia adalah satu kemaafan [keringanan, iaitu halal/dibenarkan]....”

(Riwayat Al-Hakim dan Al-Bazzar. Rujuk hadits yang seumpamanya dalam ke hadits ke 30 dari Hadits 40 Al-Nawawi)


- Jika tidak akan berlaku salah faham dan amal
 - akibatnya = kesulitan dalam beragama
 - bercanggah dengan konsep Islam agama yang mudah (22:78)

Ilustrasi



Implikasi

- Terlalu banyak benda yang tidak boleh diamal atau guna kerana jumlah benda yang tidak dijelaskan hukumnya terlalu banyak dalam agama
 - semua benda-benda baru = tak boleh
- Pasti menyulitkan
- Contoh 1 produk makanan
 - tiada logo halal
 - tapi tiada kandungan yang meragukan
 - = samar-samar = meragukan
 - = syubhat
 - = tak boleh makan = siapa makan dosa / less Muslim



- Contoh 2 “no pork, no lard”
 - boleh tidak halal kerana ada daging lain tak sembelih atau alkohol
 - tapi kalau tiada bukti kukuh adanya kandungan yang haram, tetap tidak boleh makan kerana syubhat



Yang Sepatutnya

Islam

Yang jelas
dikatakan halal

- boleh lakukan
- boleh gunakan

Yang didiamkan
hukumnya

- tiada dalil halal
- tiada dalil haram
- boleh lakukan
- boleh guna
- = halal

Syubhat

- jika tanda yang boleh menimbulkan sangkaan, tapi tidak capai tahap kukuh dan meyakinkan
- afdal ditinggalkan, tidak mesti wajib kerana kembali hukum asal

Yang jelas
dikatakan haram

- wajib jauhi

Implikasi

- Meluaskan ruang halal dari haram
- Memudahkan hidup beragama
- Menutup pintu was-was
 - menjadikan semua benda yang tak jelas halal dan haram sebagai syubhat, tanpa bukti munasabah, mengakibatkan was-was
 - Islam tidak suka was-was, dari syaitan
- Disokong oleh kaedah fiqh
 - “Asal sesuatu [bukan aqidah dan ibadah] adalah halal/dibolehkan [hingga ada dalil yang melarangnya]”
 - lihat 7:32-3, 45:13

- Apabila sesuatu perkara hukumnya halal/boleh pada asalnya, yang mendakwa haramlah wajib memberi hujah / bukti / dalil.
- Apa hukum main angry birds? Apa hukum bekerja di McDonald's
- Kembali pada isu "no pork, no lard"

Syubhat

- Kaedah fiqh yang memandu
 - Asalnya halal / suci
 - Yang yakin tidak boleh dihilangkan kerana ragu-ragu
- Sesuatu tidak boleh dihukumkan syubhat kecuali ada asas, bukan hanya was-was sahaja
- Hukum sama diguna bagi hadis
“Tinggalkan apa yang meragukan kamu, kepada apa yang tidak meragukan.” (Riwayat Al-Turmuzi)
- Semakin kuat asas bukti wujudnya syubhat, semakin dekat pada hukum wajib meninggalkan

- Syubhat boleh bersifat subjektif kerana pengetahuan manusia beza-beza
 - (X) adalah syubhat bagi A kerana dia tidak tahu, tapi tidak syubhat bagi B kerana dia tahu apa itu (X)
- Asalnya lebih afdal atau warak ditinggalkan, bukan mesti wajib dalam semua hal
 - Warak boleh pilihan peribadi, tidak boleh dipaksa atas orang lain
 - tiada paksaan dalam agama Apa yang tidak wajib, tidak boleh diwajibkan ke atas semua orang
- Apa yang tidak haram, tidak boleh diharamkan
 - mengharamkan apa yang halal atau harus, sama dengan menghalalkan yang haram = berdosa

- “Katakan: **siapakah yang mengharamkan perhiasan perhiasan yang Allah ciptakan untuk hamba-hamba-Nya, demikian pula berbagai rezki yang baik?** Katakan bahwa semua itu diciptakan teruntuk orang-orang yang beriman pada kehidupan dunia dan kelak pada hari qiyamat semua itu hanya diperuntukkan bagi mereka. Demikianlah Allah merinci tanda-tanda kekuasaan-Nya bagi orang-orang yang mengetahuinya. (7:32)
- Berhati-hati sebelum menghukum, memandang serong orang lain
 - wajib berbaik sangka sesama Muslim, kecuali ada sebab yang kukuh
 - salah tidak menghukum lebih baik dari salah dalam menghukum
- Kembali pada isu “no pork, no lard”

Konservatisme

- Konservatisme bukan semestinya benar
 - kebenaran diukur berdasarkan kekuatan dalil, bukan konservatisme
- Konservatisme bukan semestinya lebih bagus / afdal
 - lebih bagus / afdal diukur berdasarkan banyak faktor i.e. dalil, maslahat-mudarat, realiti
- Kalau konservatisme benar dan bagus, pendapat ulama yang tidak konservatif semuanya perlu ditolak
- Konservatisme bukan agama (din), ia adalah sikap yang terbentuk dalam diri manusia
- Konservatisme bukan penentu kesolehan manusia di mata Allah
 - nilai manusia pada taqwa (49:13), bukan konservatisme

Haram/Halal Yang Jelas

- Bukan semua yang halal / haram dalam Islam bersumber dari dalil yang jelas tentang hukum itu
- Kebanyakan hukum halal/ haram berdasarkan dalil yang tidak jelas tentang hukum itu
 - hasil tafsiran / ijtihad ulama
 - sebab itulah wujud perbezaan pendapat ulama; ada kata halal, ada pula kata tidak
 - jumlah hukum sebegini lebih banyak dari yang disepakati
- Halal / haram ada dua:
 - halal / haram qat'ii (definitif)
 - halal / haram zanni (bukan definitif)

Halal / Haram



```
graph TD; Title[Halal / Haram] --- Bar; Bar --- Qat[Qat'ii]; Bar --- Zanni[Zanni]; Qat --- QatBox[Qat'ii details]; Zanni --- ZanniBox[Zanni details];
```

- Qat'ii

- definitif
- berdasarkan Al-Quran atau hadis mutawatir yang tidak berkemungkinan mempunyai pelbagai makna atau wujud ijma' akan maknanya
- haram makan daging babi

- Zanni

- bukan definitif
- berdasarkan Al-Quran atau hadis mutawatir yang berkemungkinan ada pelbagai makna
- berdasarkan hadis-hadis yang bukan mutawatir
- haram / halal makan binatang dua alam

- Maksud, “Yang halal itu jelas dan yang haram juga jelas...” = halal / haram yang qat’ii
- Begitu juga maksud hadis,
“Akan datang suatu zaman seseorang tidak mempedulikan dari mana ia mendapatkan harta, apakah dari sumber yang halal atau pun haram.” (Riwayat Al-Nasa`ii)

“Setiap daging yang tumbuh daripada sumber haram, maka akan dihumbankan dalam api neraka.” (Riwayat Al-Turmuzi dan Al-Baihaqi)

“....seorang lelaki yang jauh perjalanannya, yang kusut masai rambutnya, lagi berdebu mukanya menghulurkan kedua tangannya ke langit sambil berdoa: Hai Tuhanku, hai Tuhanku, pada hal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan diberi makan dengan yang haram pula, maka bagaimanakah mungkin itu diperkenankan baginya?” (Riwayat Muslim)

Rujuk pada = apa yang jelas dan qat'ii haram

- Kaedah fiqh, “Tidak boleh mencela [menghukumkan dosa secara pasti] dalam perkara-perkara ijtihad”
- Tidak boleh paksa orang lain beramal dengan halal / haram yang zanni yang kita pegang
 - terutama jika orang berkenaan beramal atas dasar ilmu yang dia pelajari
- Berhati-hati sebelum menghukum

Kesimpulan

- Halal dalam Islam lebih luas dari haram.
- Yang tidak jelas hukumnya, bukan terus jatuh dalam syubhat.
- Tidak boleh mensyubhatkan sesuatu tanpa asas, jauhi was-was
- Tidak boleh mengharamkan yang asalnya halal sebagaimana tidak boleh menghalalkan yang haram.
- Ada halal/haram yang disepakati, ada yang terdapat perbezaan pendapat.
- Warak dipuji, tapi tidak boleh dipaksa.

- Syubhat boleh subjektif.
- Konservatif biar bertempat.
- Jangan cepat menghukum.
- Luaskan ilmu, apa yang kita tidak tahu, bukan bermakna salah.
- Hormati hak orang lain membuat pilihan yang berbeza asal sahaja masih dalam ruang lingkup mazhab-mazhab yang sah.
- Bina keluarga atas fahaman begini.
- Mungkin ada kesimpulan-kesimpulan lain. Berfikirlah.

Wallahu A`alam